

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 JULAI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
PAUTAN : <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/266495>

ECERDC realisasi RM80 bilion pelaburan



Wan Rosdy (dua dari kanan) bersama Baidzawi (kiri) menyampaikan anugerah kepada pemain industri Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-15 ECERDC dan Pelancaran Invest@ECER di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah pada Selasa.

MAJLIS Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) berjaya merealisasikan kira-kira RM80 bilion pelaburan setakat ini.

Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Baidzawi Che Mat berkata, jumlah itu berjaya direalisasikan selepas ECERDC mencatatkan pelaburan komited melebihi RM160 bilion merentasi pelbagai sektor sejak awal penubuhannya pada 2008.

Justeru, ECERDC kekal fokus dalam menarik pelaburan baharu ke ECER dan di Pahang melalui forum perniagaan Invest@ECER sebagai salah satu usaha untuk mencapai sasaran ditetapkan.

"Malah, ECERDC juga telah mencipta destinasi pelancongan mesti lawat yang bukan sahaja telah memacu pertumbuhan industri pelancongan di rantau ini, malah telah membawa limpahan manfaat kepada masyarakat dan usahawan tempatan," katanya.

Baidzawi (dua dari kiri) mengiringi Wan Rosdy (tengah) ketika merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-15 ECERDC dan Pelancaran Invest@ECER di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-15 ECERDC dan Pelancaran Invest@ECER di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC) pada Selasa.

Majlis tersebut dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan turut dihadiri, Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Zulkifli Yaakob, Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan negeri, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak dan Exco Pelaburan, Pembangunan Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Datuk Mohamad Nizar Mohamad Najib.

Dalam pada itu, Baidzawi berkata, pelaburan itu mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan untuk rakyat Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Jelasnya, kejayaan itu hasil daripada kerjasama CERDC dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kerajaan Pahang, Terengganu serta Kelantan.

Baidzawi ketika berucap pada Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-15 ECERDC dan Pelancaran Invest@ECER di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah pada Selasa.

"Selain kemasukan pelaburan, Wilayah ECER menyaksikan pelaksanaan projek strategik berimpak tinggi seperti peluasan Pelabuhan Kuantan sebagai pelabuhan laut dalam, Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) dan Projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) yang kini sedang dalam pembinaan," ujarinya.

Tambah beliau, Pahang kaya dengan kelebihan alam semulajadi menerusi dengan projek eko pelancongan, pembinaan resort bersepadu, taman tema dan pelancongan pantai yang telah berjaya dibangunkan hasil dari pelaburan swasta.

"Banyak projek perniagaan tani ECERDC di Pahang yang paling berjaya iaitu Pusat Penyelidikan dan Inovasi Penternakan Muadzam Shah (MSCRIC) yang diuruskan oleh syarikat induk Farm Fresh Berhad, Ladang Nanas Bersepadu Rompin yang dikendalikan oleh Rompin Integrated Pineapple Industries Industri Nanas Bersepadu Rompin (RIPP), dan Taman Pemprosesan Ikan Bersepadu Kuantan (KIFPP) yang dioperasikan oleh PT Resources Holdings Bhd.

"Jadi, kini, ECERDC memberi tumpuan kepada usaha-usaha menangani isu sekuriti makanan melalui inisiatif agrofood@ECER, bagi menggalakkan pertanian berskala komersial yang diterajui oleh sektor swasta dan menarik pelaburan-pelaburan baharu dalam sektor pertanian termasuk tanaman durian," katanya.